



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN
NOVEMBER 2022



eISSN 2811-3802




9772811380008

MEMANGKIN USAHA SAMA INDUSTRI, ALUMNI & KOMUNITI

WEBINAR TAKLIMAT MY STARFISH FOUNDATION

ZHRIL SHAHIDA AHMAD & AMIRAH HAJI ABU HASSAN




Para peserta program

Unit Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN), UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah mengadakan program taklimat “My Starfish Foundation” yang dilaksanakan pada 21 Mac 2022. Program ini telah dijalankan secara atas talian melalui aplikasi *CISCO WEBEX* mengambil kira norma baharu ketika ini. Program ini telah dirasmikan oleh Dr. Siti Sara Ibrahim, Timbalan Rektor, Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIM & A), UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Penceramah jemputan adalah wakil dari “My Starfish Foundation” iaitu Cik Zoe Lee dan Cik Mo Annie. Mereka mempunyai pengalaman yang luas dalam penganjuran dan pelaksanaan projek komuniti. “My starfish Foundation” adalah sebuah organisasi yang memperjuangkan inovasi sosial dengan visi mereka “Delivering Happiness Everyday”.

Sehubungan itu, mereka telah mengadakan inisiatif “My Starfish Foundation” yang bermula sejak tahun 2014 bagi menggalakkan penglibatan pelajar dalam projek komuniti. Selari dengan fungsi Unit Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) iaitu untuk menjalinkan hubungan dan kerjasama dengan jaringan komuniti, program ini memberi peluang kepada para pensyarah dan juga pelajar mereka untuk melibatkan diri dalam projek komuniti melalui pembiayaan yang ditawarkan oleh “My Starfish Foundation”.

Oleh itu, objektif utama program ini tentunya adalah untuk memberi pendedahan serta maklumat berkaitan dengan projek yang dijalankan oleh “My Starfish Foundation”. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memberi panduan dan bimbingan kepada para peserta berkaitan cara pengisian borang permohonan geran “My Starfish Foundation” dengan betul kerana ia adalah penting bagi membuka peluang kepada para peserta untuk mendapatkan geran tersebut.



Slaid Taklimat Penceramah



Poster Hebahan

Rata-rata peserta program ini memberi maklumbalas yang sangat positif terhadap penganjuran program ini dan berharap program seumpama ini akan dapat diteruskan lagi pada masa hadapan. Ilmu dan pengalaman yang dikongsi oleh penceramah di dalam program ini diharap dapat membantu para pensyarah dan pelajar mereka dalam pembangunan budaya penyelidikan yang kompetitif dan berinovasi serta meningkatkan kualiti kerjaya mereka.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada penceramah jemputan di atas kesudian menerima jemputan bagi memberi taklimat yang amat berguna kepada para peserta di dalam program in. Tidak dilupakan ucapan tahniah dan syabas kepada seluruh ahli jawatankuasa yang telah berusaha gigih untuk menjayakan program ini.